

TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT GENERIK TERPAKAI BAGI SEMUA AKAUN DEPOSIT / PRODUK / PERKHIDMATAN

Terma-terma dan syarat-syarat generik berikut (GTC) akan terpakai kepada akaun depository Bank dan beberapa kemudahan dan perkhidmatan perbankannya.

1. Pembukaan Akaun

- 1.1 Akaun hendaklah dibuka dengan tidak kurang daripada deposit tunai awal minimum sebagaimana ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Baki minimum sebagaimana ditentukan oleh Bank hendaklah dikekalkan oleh Pelanggan bagi setiap jenis akaun selepas itu.
- 1.2 Penerimaan dan pelanjutan akaun dan produk/perkhidmatan adalah secara keseluruhannya mengikut budi bicara Bank dan Bank tidak akan terikat dengan alasan pendedahan bagi apa-apa ketidakterimaan atau penamatan atau penutupan akaun.

2. Deposit & Pengeluaran

- 2.1 Selepas penerimaan deposit oleh Bank, slip masuk wang (PIS) akan sama ada disahkan mesin, dicap tarikh atau diterima secara manual di bawah tanda tangan pegawai Bank yang dibenarkan. Satu salinan penduaan PIS akan diberi kepada Pelanggan. Di mana PIS telah disahkan mesin, Pelanggan harus memeriksa bahawa butir-butir telah dicetak dengan betul pada slip sebelum meninggalkan premis Bank. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan, Pelanggan hendaklah serta-merta melaporkannya kepada Bank.
- 2.2 Di mana Bank telah menyediakan perkhidmatan/ kemudahan khas melalui Mesin Deposit Tunai (CDM) / Mesin Deposit Cek (CQM) untuk menerima wang tunai dan cek, Pelanggan hendaklah mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan dengan betul.
- 2.3 Setiap deposit [sama ada dibuat melalui Mesin Deposit Cek (CQM), di kaunter atau melalui Kotak Turun Naik] akan hanya dianggap telah dibuat sekiranya telah ditentusahkan oleh kakitangan Bank, dijelaskan dengan sewajarnya dan deposit tersebut telah dimasukkan ke dalam rekod Bank.
- 2.4 Bank berhak untuk menolak penerimaan bagi cek kutipan dan instrumen-instrumen monetari lain yang pada pendapat Bank adalah di luar aturan dalam apa jua cara atau yang tidak selaras dengan keperluan Syariah [bagi Akaun(akaun-akaun) di bawah Perbankan Islam] atau yang mungkin telah diubah dalam apa-apa cara tanpa mengambil kira bahawa perubahan mungkin telah ditandatangani balas oleh penyuruh bayar.
- 2.5 Semua cek dan instrumen monetari lain boleh diterima bagi kutipan tetapi perolehan tidak akan dikreditkan/tersedia sehingga Bank telah menerima bayaran bagi cek yang sama dan instrumen-instrumen monetari lain yang didepositkan ke dalam akaun Pelanggan tidak boleh, kecuali dengan pengaturan khas dikeluarkan sehingga perolehan tersebut telah diterima oleh Bank.
- 2.6 Bank adalah berhak untuk mendebit akaun Pelanggan dengan nilai cek yang sebelum ini dibeli/ didiskaunkan atau dikreditkan kepada akaun Pelanggan sekiranya cek-cek tersebut tak dilayan.
- 2.7 Cek-cek yang diterima bagi kutipan tetapi tak dilayan mungkin dipulangkan kepada Pelanggan atas risiko dan perbelanjaan beliau sendiri.

2.8 Bank boleh menolak untuk menerima apa-apa deposit atau pengeluaran bila sahaja terdapat kerosakan atau kegagalan dalam sistem komputer dalam talian yang menjejaskan mana-mana Pusat(pusat-pusat) Perhubungan Pelanggan [CRC] Bank sama ada kerosakan atau kegagalan tersebut bersifat menyeluruh atau sebahagian.

3. Akaun Bersama

3.1 Di mana akaun dibuka dan ditanggung secara bersama atau di bawah lebih daripada satu nama, Pelanggan-pelanggan bersetuju bahawa jika berlaku kematian mana-mana satu daripada pemegang akaun, Bank akan menyimpan wang tersebut dalam akaun mengikut aturan orang(orang-orang) yang hidup tanpa mengambil kira tuntutan mana-mana representasi undang-undang tanpa menjejaskan mana-mana hak Bank yang timbul daripada mana-mana lien, gadai janji, gadaian, sandaran, tolakan, tuntutan balas atau sebaliknya walau bagaimana sekalipun. Bayaran kepada orang(orang-orang) yang hidup akan dilunaskan sepenuhnya oleh Bank.

3.2 Dalam hal perkongsian, kebenaran pertama diberi akan kekal berkuat kuasa sehingga dibatalkan secara bertulis tanpa mengambil kira apa-apa perubahan dalam perlembagaan atau nama firma atau apa-apa perubahan dalam keahlian firma oleh kematian, kebangkrutan, persaraan atau sebaliknya atau penerimaan mana-mana rakan kongsi baru atau rakan kongsi. Bank adalah berhak untuk menganggap orang yang hidup atau rakan kongsi berterusan atau rakan kongsi sementara waktu sebagai mempunyai kuasa penuh untuk menjalankan perniagaan dan untuk berurusan dengan aset-asetnya sekiranya tidak ada perubahan dalam firma.

3.3 Berhubung dengan Akaun Bersama, sama ada untuk mengendalikan mandat, Bank akan mempunyai budi bicara untuk menolak / menerima sebarang cek yang dibuat tidak perlu dibayar kepada semua Pelanggan(pelanggan-pelanggan) yang dinamakan.

3.4 **Dalam hal satu akaun bersama atau akaun(akaun-akaun) bersama dan beberapa atau akaun(akaun-akaun) entiti termasuk tetapi tidak terhad kepada persatuan, badan-badan bukan kerajaan, pertubuhan amal, pemegang amanah, perkongsian dan lain-lain, Bank akan mempunyai budi bicara untuk menggantung/membekukan operasi akaun(akaun-akaun) mereka tersebut dalam apa-apa cara dan bagi tempoh tertentu walau bagaimana sekalipun jika terdapat pertikaian bersifat dan keterangan apa sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada pertikaian ke atas penandatanganan, operasi, pemegang jawatan baru, pelantikan baru, percanggahan minit/resolusi dan seumpamanya**

4. Arahan

Pelanggan akan membekalkan Bank dengan satu senarai nama dan contoh tandatangan dibenarkan dan akan dari semasa ke semasa memaklumkan secara bertulis tentang apa-apa perubahan, di mana berkenaan, dengan satu salinan sebenar resolusi diperakui yang akan menjadi keterangan muktamad. Pelanggan akan memastikan bahawa tandatangan beliau pada cek, arahan dan komunikasi dengan Bank sama dengan yang diberi dalam tandatangan contoh, di mana sekiranya gagal Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak tindakan yang sama. Tanpa mengambil kira yang di atas, Bank adalah berhak untuk bertindak ke atas cek, arahan atau komunikasi Pelanggan walaupun tandatangan Pelanggan berbeza daripada apa yang diberikan dalam contoh tandatangan sekiranya cek, arahan atau komunikasi, sebenarnya, datang daripada Pelanggan. Tanpa mengambil kira yang di atas, Bank tidak akan bertanggungjawab dengan alasan sebarang pematuhan atau kegagalan untuk mematuhi Pelanggan atau komunikasi berhubung dengan apa-apa cek atau instrumen perbankan.

5. Caj Bank

Satu senarai yuran dan caj Bank bagi perkhidmatan depositori serta kemudahan dan perkhidmatan perbankan, sebagaimana mungkin dikenakan dan/atau disemak oleh Bank dari semasa ke semasa sebagaimana ia anggap sesuai, akan disediakan atas permintaan.

6. Penyata

Bagai akaun berasaskan penyata, satu penyata akan diberi sekali setiap bulan atau mengikut kekerapan tertentu lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Penyata akaun tersebut akan menjadi muktamad dan mengikat ke atas pelanggan melainkan Bank dimaklumkan secara bertulis tentang sebarang kesilapan / ketidakaturan dalam masa 14 hari dari tarikh penyata akaun.

7. Tanggung Rugi

7.1 Pelanggan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank sepenuhnya atau sama sekali terhadap semua tuntutan, ganti rugi, desakan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos perundangan antara peguam cara dan klien sendiri) dan semua liabiliti lain bersifat atau keterangan apa sekalipun yang mungkin dibuat, diambil, ditanggung atau dialami oleh Bank berhubung dengan atau dalam apa-apa cara yang timbul daripada penyediaan apa-apa perkhidmatan oleh Bank selaras dengan terma-terma dan Syarat-syarat atau penerimaan sebarang arahan yang diberi oleh Pelanggan atau cawangan oleh Pelanggan tentang sebarang peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat. Liabiliti-liabiliti Pelanggan akan menjadi liabiliti berterusan dan akan kekal berkuat kuasa dan berkesan sehingga liabiliti Pelanggan kepada Bank dilepaskan sepenuhnya.

7.2 Pelanggan akan menanggung rugi Bank terhadap sebarang kerugian yang Bank mungkin tanggung dengan alasan ia menjamin sebarang pengendorsan, pelepasan atau pelepasan atas apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen-instrumen lain yang dikemukakan oleh Pelanggan bagi kutipan dan setiap jaminan tersebut diberi oleh Bank hendaklah dianggap sebagai telah diberi atas permintaan dinyatakan Pelanggan dalam setiap kes.

8. Hak Penolakan

Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh, pada bila-bila masa dan tanpa notis, menggabungkan dan menyatukan semua atau mana-mana akaun(akaun-akaun) Pelanggan dengan Bank atas keterangan apa sekalipun dan walau di mana sekalipun ditempatkan dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang lain atau tolakan atau pemindahan apa-apa jumlah tetap kepada kredit mana-mana akaun(akaun-akaun) tertentu termasuk akaun bersama dalam atau ke arah pelepasan apa-apa jumlah kena dibayar kepada Bank di bawah mana-mana akaun(akaun-akaun) Pelanggan dengan Bank atas keterangan apa sekalipun dan walau di mana sekalipun ditempatkan dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang lain dan Pelanggan dengan ini membenarkan Bank untuk menguatkuasakan apa-apa gabungan, penyatuan, tolakan atau pemindahan tertentu dengan penukaran yang diperlukan mengikut kadar pertukaran lazim Bank yang akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya.

9. Peraturan & Perundangan Badan-badan Berperaturan

9.1 Pelanggan bersetuju untuk menerima dan mematuhi sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat tersebut di atas termasuk sebarang terma-terma dan syarat-syarat baru yang Bank mengikut budi bicaranya mungkin kenakan dari

semasa ke semasa. Pelanggan akan dianggap sebagai telah dimaklumkan tentang perubahan atau pindaan tersebut melalui pengiklanan di surat khabar harian negara dan/atau melalui notis yang dipaparkan di premis-premis cawangan Bank di mana akaun beliau dibuka.

- 9.2 Tanpa mengambil kira terma-terma dan syarat-syarat di atas, pembukaan dan operasi akaun juga tertakluk kepada amalan perbankan dan undang-undang Malaysia, peraturan dan perundangan Persatuan Bank-bank dan Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam di Malaysia serta peraturan dan perundangan badan-badan berperaturan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

10. Perubahan Alamat, Tandatangan(tandatangan-tandatangan) atau Butir-butir

Pelanggan mengaku janji untuk memaklumkan Bank dengan segera secara bertulis tentang sebarang perubahan alamat atau tandatangan(tandatangan-tandatangan) atau butir-butir lain, di mana sekiranya gagal Bank akan terlepas daripada semua liabiliti selepas penghantaran sebarang notis kepada alamat yang terakhir diketahui.

GTC di atas akan terpakai kepada semua jenis akaun / produk / perkhidmatan dan terma-tera dan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan di bawah GTC ini akan membentuk sebahagian daripada dan dibaca dengan GTC

TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT KHUSUS

1. ARAHAN TETAP (SI)

- a. Pelanggan mengaku janji untuk memastikan agar dana yang mencukupi disimpan dalam akaun mereka untuk memenuhi bayaran.
- b. Walaupun Bank akan berusaha untuk melaksanakan bayaran berkala tersebut, ia tidak menerima tanggungjawab untuk melaksanakan bayaran yang sama, dan selaras dengan itu Bank tidak akan menanggung sebarang liabiliti bagi sebarang kesilapan, penolakan atau peninggalan untuk membuat semua atau mana-mana bayaran atau dengan alasan bayaran lewat atau dengan peninggalan untuk mengikut apa-apa arahan sedemikian.
- c. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa sama ada Bank mahupun mana-mana CRC, koresponden atau ejen-ejenya tidak akan memikul tanggungjawab bagi sebarang kerugian atau ganti rugi disebabkan kesilapan atau kelewatan atau pemungkiran apa-apa bentuk semasa penghantaran atau penyerahan mana-mana mesej dalam pelaksanaan arahan melalui mel, telefon, kabel atau tanpa wayar, termasuk seperti akibat penggunaan kod atau disebabkan oleh mana-mana akta atau dekri sah atau tidak sah mana-mana kerajaan atau agensi kerajaan atau disebabkan oleh kegagalan mana-mana CRC, koresponden atau ejen untuk mengenal pasti penerima semasa membuat bayaran.
- d. Arahan ini adalah tertakluk kepada apa-apa pengaturan yang kini wujud atau yang boleh selepas itu wujud antara Pelanggan dan Bank berhubung dengan akaun Pelanggan atau apa-apa pinjaman perbankan yang diberikan kepadanya.
- e. Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya menamatkan arahan ini sebagai bayaran hadapan pada bila-bila masa dengan notis secara bertulis kepada Pelanggan atau tanpa notis pada bila-bila masa yang dimaklumkan oleh penerima bernama di atas bahawa tiada bayaran selanjutnya diperlukan, atau tanpa memberikan apa-apa alasan berhubung dengannya.

- f. Arahan ini akan kekal berkuat kuasa bagi perlindungan Bank berhubung dengan bayaran yang dibuat dengan suci hati tanpa mengambil kira kematian Pelanggan atau kebangkrapan atau pembatalan arahan ini oleh apa-apa cara lain sehingga notis kematian atau kebangkrapan Pelanggan atau pembatalan tersebut diterima oleh Bank.
- g. Caj komisen/ perkhidmatan pada kadar lazim Bank akan dikenakan levi bagi setiap bayaran berkala yang dilaksanakan oleh Bank. Caj ini tidak termasuk bayaran pos sampingan dan/atau duti setem dan caj-caj CRC, koresponden atau ejen-ejen anda yang boleh juga terpakai.
- h. Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya melewikan caj pada setiap bayaran SI yang tidak dilaksanakan bagi kekurangan dana.
- i. Pelanggan selanjutnya mengaku janji untuk memaklumkan Bank secara bertulis tentang apa-apa perubahan, pengubahan atau pembatalan sekurang-kurangnya satu minggu sebelum bayaran. Walau bagaimanapun, Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan untuk mematuhi pemberitahuan tersebut dan tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan Pelanggan apa-apa alasan(alasan-alasan) berhubung dengannya.

2. KAD BANK

- a. Kad Bank (Kad) yang dikeluarkan akan kekal menjadi harta Bank dan Pelanggan hendaklah memulangkan Kad kepada Bank atas permintaan.
- b. Kad yang dikeluarkan adalah semata-mata untuk kegunaan Pelanggan sendiri dan tidak boleh dipindah milik, disandarkan atau sebaliknya digunakan sebagai cagaran bagi apa-apa transaksi kredit.
- c. Pelanggan tidak boleh mendedahkan atau menyebabkan untuk mendedahkan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) sulit beliau kepada sesiapa termasuk kakitangan Bank di bawah apa-apa keadaan. Sekiranya PIN Pelanggan didapati atau disyaki telah diketahui kepada mana-mana orang lain, beliau akan memaklumkan mana-mana cawangan Bank dengan serta-merta dan mengesahkan perkara yang sama secara bertulis.
- d. Jika berlaku sebarang kehilangan, kecurian atau kemusnahan Kad, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta, di mana sekiranya gagal, beliau akan bertanggungjawab bagi mana-mana transaksi atau kegunaan Kad sehingga tahap mencapai had RM3, 000 setiap Kad sehari atau lain-lain jumlah disepak tertentu selanjutnya yang Pelanggan boleh keluarkan setiap hari termasuk pindahan dana yang boleh dikenakan oleh Bank dari masa ke masa, dikira atas dasar harian sehingga pemberitahuan tertentu.
- e. Semua penggantian dan pembaharuan Kad adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berkuat kuasa pada tarikh penggantian atau pembaharuan.
- f. Pelanggan bersetuju dan mengaku janji untuk membayar semua caj tersebut sebagaimana Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya mengenakan dari semasa ke semasa berhubung dengan yuran pengeluaran / penggantian / yuran kad tahunan dan bagi transaksi yang dilaksanakan oleh Pelanggan dengan menggunakan Kad. Pelanggan akan atas permintaan oleh Bank membayar apa-apa jumlah terlebih keluar campur sebarang faedah ke atasnya yang akan dikira berdasarkan kadar faedah overdraf lazim Bank jika sekiranya akaun Pelanggan terlebih keluar.
- g. Baki yang dinyatakan dalam akaun Pelanggan yang ditunjukkan pada skrin ATM tidak akan termasuk apa-apa deposit yang belum ditentu sahkan oleh Bank dan/atau perolehan mana-mana cek atau instrumen boleh runding tidak direalis dan tidak akan termasuk apa-apa cek yang Pelanggan telah keluarkan dan belum lagi diproses oleh Bank. Baki yang ditunjukkan atau dicetak tidak boleh dikira sebagai penyataan muktamad akaun Pelanggan dengan Bank. Bank boleh dari semasa ke semasa menyatukan transaksi ATM yang dilaksanakan atas akaun simpanan Pelanggan dan menggambarkannya pada buku simpanan beliau sebagai dua catatan masing-masing bagi deposit dan pengeluaran.
- h. Pelanggan akan menerima tanggungjawab penuh bagi semua transaksi yang dibuat melalui penggunaan Kad, sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran beliau, dan Pelanggan menerima rekod transaksi Bank sebagai muktamad dan mengikat bagi semua tujuan. Pelanggan selanjutnya bersetuju untuk menyetepikan mana-mana dan semua hak dan remedi-remedi terhadap Bank berhubung dengannya. Sebarang pindahan dana yang dibuat melalui mesin ATM akan dianggap sebagai muktamad dan diselesaikan sebaik sahaja mesin ATM telah berjaya melaksanakan arahan untuk mendebit akaun Pelanggan dan mengkredit akaun benefisiari.

- I. Pelanggan hendaklah memaklumkan benefisiari tentang pindahan ke atas beliau sendiri memandangkan Bank tidak akan berbuat demikian. Semua transaksi yang timbul daripada penggunaan Kad untuk mengendalikan akaun bersama yang dikenal pasti akan menjadi mengikat pada semua pemegang akaun secara bersama dan berasingan. Pelanggan tidak boleh meletakkan Bank tanggungjawab dalam apa-apa cara bagi sebarang kerugian, ganti rugi atau kecederaan timbul daripada penggunaan Kad walau apa sekalipun disebabkan oleh sebarang kerosakan mekanikal atau pincang tugas ATM atau Kad tidak diterima atau sebaliknya.
- j. Bank berhak pada bila-bila masa untuk membatalkan atau menggantung penggunaan Kad atau untuk menolak pengeluaran semula, pembaharuan atau penggantian Kad tersebut tanpa memberikan apa-apa alasan(alasan-alasan) berhubung dengannya dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Pelanggan tidak boleh menggunakan Kad selepas beliau telah dimaklumkan mengenai pembatalan atau penggantungannya oleh Bank dan Pelanggan mengaku janji untuk memulangkan Kad dengan serta-merta kepada Bank selepas pemberitahuan tersebut. Pelanggan boleh menamatkan Perjanjian ini selepas memberi notis secara bertulis atau selepas menutup akaun beliau dengan Bank Dan Pelanggan dengan ini mengaku janji untuk memulangkan Kad dengan serta-merta kepada Bank.
- k. Dengan pengaktifan jalur magnet bagi transaksi Rentas Sempadan, Pelanggan akan
 - (i) Menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi risiko pengklonan Kad.
 - (ii) Menukar Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) beliau selepas kembali ke Malaysia selepas melaksanakan sebarang pengeluaran tunai di luar negeri (Indonesia, Singapura, Thailand dan China).
 - (iii) Periksa transaksi akaun beliau selepas kembali ke Malaysia dan nyahaktifkan kemudahan Rangkaian Serantau ATM di mana-mana cawangan Affinbank dan Affin Islamic Bank.

3. AKAUN SEMASA

- a. Cek-cek tidak boleh dikeluarkan ke atas Bank oleh Pelanggan kecuali melalui borang yang dibekalkan dan didaftarkan bagi setiap akaun. Permohonan bagi buku cek hendaklah dibuat melalui borang permohonan bercetak Bank atau permintaan bertulis oleh Pelanggan kecuali bagi pengeluaran buku cek awal.
- b. Syarat-syarat bercetak pada kulit buku cek hendaklah wajib dipatuhi oleh Pelanggan dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya adalah sebagai tambahan kepada syarat-syarat dalam terma dan syarat generik ini.
- c. Pelanggan bersetuju bahawa cek-cek mestilah juga dikeluarkan untuk mencegah penambahan atau perubahan selepas pengeluaran. Cek-cek mestilah ditandatangani dengan sewajarnya selaras dengan contoh tandatangan(tandatangan-tandatangan) berdaftar dengan Bank. Cek-cek mungkin tak sah laku sekiranya Bank menganggapnya sebagai di luar aturan dalam apa-apa cara tanpa sebarang liabiliti di pihak Bank.
- d. Semua perubahan mestilah disahkan oleh tandatangan(tandatangan-tandatangan) penuh penyuruh bayar(penyuruh-penyuruh bayar) mengikut keadaan. Cek-cek dengan perubahan(pengubahan-pengubahan) akan menjadi tak sah laku sekiranya tiada pengasingan pengesahan bertulis terlebih dahulu yang diterima oleh Bank atau sekiranya tiada pengesahan sendiri yang dibuat oleh Pengurus, Pusat Perhubungan

- Pelanggan (MCRC). Cek-cek berpaling dengan palang 'Terbuka' hanya boleh dibayar secara tunai apabila dikemukakan bagi bayaran oleh penyuruh bayar atau ejen beliau yang diketahui.
- e. Selepas penutupan akaun sama ada oleh Pelanggan atau Bank, semua helaian cek yang belum digunakan yang telah dikeluarkan kepada pelanggan akan menjadi harta Bank dan Pelanggan hendaklah serta-merta memulangkan kepada Bank. Duti setem yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.
 - f. Henti Bayaran hanya boleh dilaksanakan sekiranya cek(cek-cek) tidak dikemukakan untuk bayaran. Sebaik sahaja dilaksanakan, henti bayaran tersebut akan menjadi mengikat ke atas Pelanggan. Setem "Henti Bayaran" akan ditampal pada hadapan cek dan tiada pengemukaan semula cek tersebut akan dibenarkan. Caj pengendalian bagi henti bayaran serta permintaan bagi penyata interim adalah terpakai. Apabila cek pemberhentian bayaran dipulangkan pada masa apabila akaun mempunyai dana yang tidak mencukupi, sejumlah penalti sebagaimana ditentukan oleh Bank akan dilevikan.
 - g. Pelanggan mengesahkan beliau tidak boleh mengeluarkan cek apabila terdapat dana yang tidak mencukupi dalam akaun(akaun-akaun) beliau pada masa pengeluaran cek. Sekiranya Bank memulangkan cek atas alasan dana tidak mencukupi atau belum dijelaskan, Bank akan mengenakan caj penalti sebagaimana ditentukan oleh Bank dan mendebit akaun Pelanggan.

4. AKAUN SIMPANAN

- a. Pengeluaran boleh dibuat oleh Pelanggan atas permintaan dalam waktu perbankan di Pusat Perhubungan Pelanggan (CRC) di mana akaun dibuka. Pelanggan juga boleh mengeluarkan di mana-mana CRC Bank lain tertakluk kepada mana-mana terma dan syarat sebagaimana mungkin dikenakan oleh Bank.
- b. Semua pengeluaran hanya boleh dipengaruhi oleh Pelanggan yang menyelesaikan slip pengeluaran yang disediakan oleh Bank, menyatakan nombor akaun, nama akaun dan jumlah yang dikeluarkan. Bank berhak untuk menolak pengeluaran yang dibuat dalam apa-apa cara lain.
- c. Faedah alam terakru pada baki harian dalam akaun pada kadar simpanan lazim Bank atau pada mana-mana kadar tertentu yang mungkin Bank umumkan dari semasa ke semasa. Faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke akaun Pelanggan atas dasar bulanan.

Bagi Buku Akaun Simpanan Sahaja

- a. Setiap pemegang akaun akan diberikan dengan Buku Simpanan, yang mesti dikemukakan, bagi setiap pengeluaran yang dibuat atau sekiranya dan apabila diperlukan oleh Bank bagi sebarang faedah atau perkara yang tidak dicatat untuk dimasukkan. Kemasukan ke dalam Buku Simpanan adalah sah hanya apabila diparap oleh Pegawai bank dibenarkan. Pelanggan akan memeriksa Buku Simpanan selepas setiap transaksi sebelum meninggalkan kaunter Bank untuk memastikan agar kemasukan yang sewajarnya telah dibuat. Sekiranya terdapat lebih daripada 20 transaksi tidak dicatat pada masa mengemas kini Buku Simpanan, sistem akan menyatukan transaksi-transaksi tersebut kepada satu (1) debit dan satu (1) kredit dan mencatat angka disatukan ke dalam Buku Simpanan.

- b. Buku Simpanan tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diserahkan hak atau disandarkan oleh Pelanggan sebagai cagaran dan tidak juga boleh diwujudkan lien ke atasnya bagi tujuan yang sama.
- c. Pelanggan hendaklah menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Jika sekiranya Buku Simpanan hilang atau musnah, beliau mestilah memaklumkan Bank secara bertulis dengan serta-merta. Bank akan mengeluarkan Buku Simpanan pengganti selepas tanggung rugi diberikan kepada Bank dan caj perkhidmatan sebagaimana ditentukan oleh Bank akan dilevikan.
- d. Bank tidak akan menerima tanggungjawab bagi kehilangan Buku Simpanan oleh Pelanggan atas kecuaiannya sendiri dan tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang penipuan pengeluaran daripada akaun beliau akibat kehilangan tersebut.

5. **AFFIN PLUS**

- a. Faedah akan dikira pada kadar tertentu yang Bank boleh dari semasa ke semasa tentukan dan dikreditkan setiap bulan ke dalam akaun Pelanggan.
- b. Sekiranya Pelanggan mengeluarkan cek apabila terdapat dana yang tidak mencukupi dalam akaun beliau, Bank berhak untuk menutup akaun tersebut tanpa sebarang notis dan mengenakan yuran penalti dengan menolak yuran tersebut secara langsung daripada akaun Pelanggan pada kadar yang Bank boleh tentukan dari semasa ke semasa.

6. **JUNIOR SAVER**

Dalam permohonan bagi membuka akaun *Junior Saver*, Pelanggan yang layak akan berhak kepada manfaat-manfaat Perlindungan Kemalangan Peribadi percuma. Jumlah diinsuranskan adalah 5 kali ganda baki akaun tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50,000.00 setiap akaun.

- a. Orang yang Diinsuranskan
Orang yang diinsuranskan bermaksud ibu bapa atau penjaga sah kanak-kanak yang mempunyai akaun *Junior Saver* dengan ABB, sentiasa tertakluk bahawa akaun mempunyai baki kredit minimum sebanyak RM3,000.00 pada pembukaan perniagaan pada tarikh kemalangan. Sekiranya terdapat lebih daripada satu ibu bapa atau penjaga sah yang dinamakan, manfaat perlu dibayar di bawah polisi ini akan dibayar atas dasar pro-rata. Jika sekiranya tidak ada ibu bapa atau penjaga sah yang dinamakan bagi kanak-kanak yang berusia 12 tahun dan ke atas, Orang Diinsuranskan kemudiannya akan dianggap sebagai kanak-kanak yang merupakan pemegang akaun *Junior Saver*.
- b. Perlindungan Kemalangan Peribadi
Kematian atau Ketidakupayaan Kekal disebabkan kemalangan peribadi - 5 kali ganda baki kredit dalam akaun *Junior Saver* masing-masing pada pembukaan perniagaan pada tarikh kemalangan, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50,000.00.

Selepas kanak-kanak mencapai usia lapan belas (18) tahun, akaun *Junior Saver* akan ditukarkan kepada akaun simpanan biasa tanpa notis dan mengikut budi bicara ABB.

7. Akaun Affin Gold (AGA)

- a. Faedah akan dikira pada kadar tertentu yang Bank boleh dari semasa ke semasa tentukan dan dikreditkan setiap bulan ke dalam akaun Pelanggan.
- b. Pilihan sama ada buku simpanan, penyata bulanan atau akaun semasa.
- c. Dalam permohonan bagi membuka AGA, Pelanggan yang layak akan berhak kepada manfaat-manfaat Perlindungan Kemalangan Peribadi (PAC) percuma atas kematian atau kehilangan upaya kekal sebagaimana ditetapkan di bawah polisi Perlindungan Kemalangan Peribadi (PAC) disebabkan kemalangan peribadi. Jumlah diinsuranskan adalah 1 kali ganda baki akaun tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50,000.00 setiap akaun tertakluk kepada had agregat sebanyak RM100,00.00 setiap orang yang diinsuranskan. Orang yang diinsuranskan bermaksud Pelanggan(pelanggan-pelanggan) berusia 50 tahun sehingga 100 tahun yang mempunyai akaun AGA dengan ABB, sentiasa tertakluk bahawa akaun mempunyai baki kredit minimum sebanyak RM5,000.00 pada pembukaan perniagaan pada tarikh kemalangan. Sekiranya terdapat lebih daripada satu nama yang berusia 50 hingga 100 tahun dalam akaun yang sama, manfaat perlu dibayar di bawah polisi ini akan dibayar atas dasar pro-rata. Kelayakan Pelanggan di bawah PAC adalah sentiasa tertakluk kepada Pelanggan telah membuat pendedahan sepenuhnya kepada Bank. Bank juga tidak akan membuat bayaran di bawah PAC sekiranya tuntutan diragui atau terbukti telah dibuat secara menipu/secara cuai atau dengan hasrat untuk menipu. PAC adalah tuntutan sekali sahaja. Keputusan Bank untuk membuat bayaran di bawah PAC adalah muktamad dan mengikat ke atas Pelanggan(pelanggan-pelanggan).
- d. Diskaun sebanyak 10% ke atas produk Insurans am/ Takaful adalah terpakai dengan syarat bayaran melalui Arahan Tetap ke atas *Annual Smart Traveler*, *Smart Care Prime*, *Smart Care VIP*, *Golfer's Insurance* dan *Smart Home Optimum* sahaja.
- e. RM10 akan dicaj pada setiap bulan Jun & Disember sekiranya purata baki sepanjang tempoh 6 bulan yang lepas adalah kurang daripada RM1,000 bagi akaun semasa AGA sahaja.
- f. Semua terma dan syarat sebagaimana terkandung dalam GTC Bank akan terpakai.
- g. Bank boleh meminda atau mengubah apa-apa terma dan syarat AGA dalam GTC ini sebagaimana ia anggap sesuai dan terma-terma dipinda tersebut akan dinyatakan dalam penyata/ laman sesawang Bank/ media tertentu sebagaimana Bank anggap wajar.

8. DEPOSIT TETAP

- a. Kadar disebut harga bagi Deposit Tetap Ringgit (FD) adalah mengikut budi bicara Bank.
- b. Tempoh di mana wang boleh ditempatkan di dalam FD menanggung faedah adalah selama 1 bulan dan dalam gandaan 1 bulan sehingga tempoh 60 bulan.
- c. Walau bagaimanapun, jumlah minimum bagi satu deposit selama 1 bulan adalah RM5,000. Bagi pendeposit-pendeposit individu, Bank akan mempamerkan di premis-premis cawangannya kadar FD bagi tempoh 1 hingga 12 bulan dan akan menerima deposit pada kadar yang diumumkan tersebut sahaja.
- d. Di mana FD telah ditebus sebelum matang, syarat-syarat berikut adalah terpakai:
 - (i) Tiada faedah perlu dibayar pada mana-mana deposit 1 bulan, 2 bulan, 3 bulan yang tidak berlangsung dalam tempoh penuh.
 - (ii) Tiada faedah perlu dibayar pada mana-mana FD selama 3 bulan dan ke atas, sekiranya ditebus sebelum lengkap tempoh 3 bulan tersebut.
 - (iii) Selain daripada keadaan-keadaan disebutkan dalam (i) & (ii) di atas, faedah perlu dibayar bagi bulan-bulan lengkap seperti berikut:

Kadar perlu dibayar bagi FD yang ditebus sebelum tempoh lengkap adalah $\frac{1}{2}$ (separuh) kadar dikontrak asal bagi setiap tempoh bulan lengkap.

- e. Bayaran Faedah:
 - (i) Faedah ke atas FD selama 12 bulan dan ke bawah perlu dibayar pada tempoh matang.
 - (ii) Faedah interim ke atas FD selama 13 bulan dan ke atas akan dibayar setiap 6 bulan dan pada tempoh matang.
 - (iii) Wang-wang yang didepositkan akan dibayar berdasarkan faedah mudah, melainkan sebaliknya ditunjukkan secara bertulis oleh Bank.
- f. Bayaran akan dibuat kepada penandatangani dibenarkan FD selepas pengemukaan pengenalan diri yang sah.
- g. Sebahagian pengeluaran FD mungkin dibenarkan dengan syarat:
 - (i) Ia adalah akaun individu, akaun bersama atau akaun kanak-kanak.
 - (ii) Baki FD mestilah lebih daripada RM20,000 selepas pengeluaran atau apa-apa jumlah sebagaimana ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
 - (iii) Ia dibuat dalam gandaan sebanyak RM5,000 atau apa-apa jumlah sebagaimana ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
 - (iv) Kadar faedah penalti sebanyak 50% daripada kadar faedah dikontrak akan dikenakan. Kadar ini terpakai ke atas jumlah pengeluaran untuk menentukan faedah yang perlu dibayar.

Sekiranya tiada arahan diterima oleh Bank daripada Pendeposit, FD selepas kematangan akan diperbaharui secara automatik pada kadar lazim Bank bagi tempoh FD yang sama.

- h. Selaras dengan "Akta Wang Tidak Dituntut 1965 (Disemak 2002)", FD ini akan dihantar kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut Bahagian Perkhidmatan Amanah sekiranya tarikh transaksi terakhir (termasuk tarikh arahan pembaharuan automatik) adalah lebih daripada 7 tahun.

- i. Sekiranya terdapat sebarang ketidakkonsistenan antara bukti fizikal penerimaan FD yang dikeluarkan oleh Pendeposit atau bukti-bukti lain bersifat apa sekalipun/keterangan dan penyata akaun Bank, penyata akaun Bank akan mengatasi berhubung dengan ketidakkonsistenan.
- j. Bukti berdokumen Deposit Tetap yang dikeluarkan oleh Pendeposit tidak boleh digunakan untuk membuat tuntutan terhadap Bank dan jika sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau percanggahan antara rekod Bank dan rekod pelanggan; rekod Bank akan mengatasi bagi semua hasrat dan tujuan.
- k. Terma-terma dan syarat-syarat dalam GTC ini akan tertakluk kepada mana-mana undang-undang atau peraturan ABM dan sebarang pengubahsuaian lain berhubung dengannya dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu kepada Pendeposit(pendeposit-pendeposit).

9. AKAUAN SEMASA MATA WANG ASING

- a. Akaun Semasa Mata Wang Asing (FCY) boleh dibuka dengan deposit awal minimum sebanyak USD1, 000 atau setaranya.
- b. Mana-mana akaun boleh dibuka semata-mata mengikut budi bicara Bank dan hanya selepas rujukan dan dokumen identiti serta dokumentasi pembukaan akaun diperoleh sepenuhnya dan memuaskan serta dilengkapkan mengikut keperluan Bank.
- c. Tiada buku cek akan dikeluarkan.

Bank boleh mendebit akaun FCY Pelanggan jika sekiranya ia melebihi had yang ditetapkan di bawah Kawalan Pertukaran Malaysia. Lebihan tersebut akan ditukar kepada Ringgit pada kadar belian lazim Bank dan mengkredit akaun Ringgit Pelanggan atau di mana beliau tidak mempunyai akaun Ringgit dengan Bank, lebihan tersebut akan dikekalkan dan/atau diproses oleh Bank dalam cara yang ia anggap sesuai dan Pelanggan tidak boleh membuat tuntutan ke atas Bank walau apa sekalipun bagi sebarang kerugian pertukaran/perolehan yang dialami atau sebaliknya menyebabkannya.

10. AKAUN DEPOSIT TETAP MATA WANG ASING

- a. Deposit wang bagi tempoh tetap (selepas ini dirujuk sebagai "penempatan") adalah dibenarkan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tertentu sebagaimana mungkin dikenakan oleh Bank termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keperluan jumlah minimum sebagaimana ditentukan oleh Bank. Terma-terma dan syarat-syarat boleh berubah bagi penempatan atau perbezaan mata wang dan Bank berhak untuk mengubah terma-terma dan syarat-syarat tertentu pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sebagaimana ia anggap sesuai.
- b. Kadar faedah dan perubahan-perubahan lain bagi penempatan Mata Wang Asing akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya dan arahan bertulis bagi memulakan penempatan atau pembaharuan atau pengeluaran dana mestilah diterima oleh Bank sekurang-kurangnya 2 Hari Perniagaan sebelum membolehkan urusan dilakukan bagi nilai lani.

"Hari Perniagaan" bermaksud hari di mana bank-bank di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pusat-pusat kewangan utama bagi mata wang yang terlibat dibuka untuk perniagaan.

Kecuali bagi penyerahan hak, pemindahan, gadaian atau sandaran penempatan yang memihak kepada Bank sebagai cagaran, penempatan tidak boleh diserahkan hak, dipindah milik, digadai atau disandar sama ada melalui pengendorsan pengesahan penempatan Mata Wang Asing atau sebaliknya.

- c. Pengeluaran pramatang atau penempatan yang dibuat, sama ada sebahagian atau sepenuhnya adalah tidak dibenarkan dengan syarat bahawa Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya membenarkan pengeluaran pramatang selepas ia diberi pampasan bagi semua kerugian yang ditanggung olehnya akibat membenarkan pengeluaran pramatang (termasuk, tetapi tidak terhad kepada kos penggantian penempatan).

Jika sekiranya berlaku sebarang ketidakkonsistenan antara GTC & Terma-terma & Syarat-syarat Tertentu versi Bahasa Inggeris dan versi yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia, Terma-terma & Syarat-syarat Generik (GTC) versi Bahasa Inggeris akan mengatasi.